



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI  
MALAYSIA**

**SIARAN MEDIA**

**MESYUARAT KHAS JEMAAH MENTERI MENGENAI  
WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA, 2021-2030**

YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk mengadakan satu Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada Sabtu, 14 September 2019 bagi membincangkan dasar jangka panjang hala tuju ekonomi negara berdasarkan Wawasan Kemakmuran Bersama.

Wawasan Kemakmuran Bersama telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) pada 18 Oktober 2018 di Parlimen. Seterusnya, kerangka asas wawasan ini telah dijelaskan oleh YAB Perdana Menteri dalam Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu Kerajaan Pakatan Harapan pada 9 Mei 2019.

Wawasan baharu ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia bagi menjamin ianya terus berkembang dengan mampan dan memberikan kesejahteraan kepada semua rakyat. Hasrat wawasan ini adalah agar seluruh rakyat Malaysia mengecapi taraf hidup wajar atau *a decent standard of living* menjelang tahun 2030.

Wawasan berkenaan akan merangkumi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Bajet tahunan Kerajaan sepanjang RMKe-12 dan RMKe-13 akan dijajarkan kepada Wawasan Kemakmuran Bersama. Bajet 2020 yang bakal dibentangkan pada bulan Oktober kelak merupakan satu belanjawan persiapan supaya semua pihak dapat bersedia untuk meluru maju apabila inisiatif RMKe-12 dimulakan pada tahun 2021.

Tempoh 10 tahun yang disasarkan bagi merealisasikan wawasan ini memerlukan kerjasama strategik dan peranan bukan sahaja Kerajaan, tetapi semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, sektor swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan, akademia, pertubuhan bukan Kerajaan serta seluruh rakyat Malaysia amnya.

Kerajaan yakin Wawasan Kemakmuran Bersama merupakan harapan dan agenda baharu untuk masa hadapan Malaysia dan menjadi asas kepada penyatuan negara.

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**  
**12 September 2019**